

GARIS PANDUAN PELESENAN

GARIS PANDUAN MEMOHON LESEN ANJING

1. Anjing yang telah mencapai umur 3 bulan perlu mendapatkan lesen daripada Majlis Perbandaran Kajang.
2. Pemohon perlu mengemukakan permohonan serta sijil kesihatan anjing dari Pegawai Jabatan Haiwan Veterinar dan doktor veterinar yang berdaftar.
3. Pemohon perlu membayar lesen anjing sebanyak RM 10.00 seekor.
4. Pemohon juga akan diberikan lencana logam untuk pengenalan anjing.
5. Pemohon perlu menggantung lencana tersebut di leher anjing berkenaan.
6. Pemohon perlu mematuhi perkara berikut:
 - Menyelenggara rumah anjing dalam keadaan bersih.
 - Membuang najis anjing di tempat yang di khaskan dan tidak mendatangkan masalah kepada penduduk di sekeliling.
 - Mengambil langkah – langkah yang perlu untuk mempastikan anjing tidak membuat kacau ganggu (salakan) yang boleh mengganggu ketenteraman awam.
 - Perlu memastikan anjing tersebut tidak merayau di luar kawasan rumah tuan punya.
 - Perlu memasang papan tanda amaran pada dinding / pagar yang mudah di lihat.
7. Anjing yang berumur lebih daripada 3 bulan di jumpai lepas atau di jumpai di tempat awam dengan tidak memakai sarung mulut dan lesen anjing atau anjing yang di dapati berpenyakit, pihak Majlis Perbandaran Kajang berhak merampas, dan membinasakan anjing tersebut.
8. Tuan punya yang mempunyai kawasan seluas **1,000 meter** persegi (**10,758 kaki** persegi) atau **kurang** tidak boleh menyimpan lebih dari dua (2) ekor anjing.
9. Jika kawasan melebihi **1,000 meter** persegi (**10,758 kaki** persegi) tidak boleh menyimpan lebih dari empat (4) ekor anjing.
10. Anjing tidak dibenarkan dipelihara di rumah pangsa atau bangunan yang tinggi.
11. Jika pemohon melakukan kesalahan boleh disabitkan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi daripada satu tahun, denda dan penjara atau kedua-duanya sekali. Jika kesalahan tersebut berterusan ianya akan dikenakan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap- tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas disabitkan kesalahan.
12. **Mengikut Undang–Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Kawasan Majlis Perbandaran Kajang) 2007.**